

06 APR 1996

Bildt-Bosnia

PERSIDANGAN BRUSSELS KEMUNGKINAN BESAR BERLANGSUNG MENGIKUT JADUAL

KUALA LUMPUR, 6 April (Bernama) -- Wakil Tertinggi Antarabangsa ke Bosnia-Herzegovina, Carl Bildt hari ini berkata Persidangan Brussels berkemungkinan besar akan berlangsung mengikut jadual pada hujung minggu depan sungguhpun tanpa kehadiran perwakilan Serb Bosnia.

"Ya, tanda-tanda menunjukkan bahawa persidangan itu akan diteruskan," kata beliau pada persidangan akhbar selepas mengunjungi Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi di Kementerian Luar di sini.

Bildt, yang tiba di sini hari ini untuk lawatan dua hari, berkata beliau akan mengkaji keadaan di Bosnia-Herzegovina sebelum membuat "perakuan terakhir" kepada-negara-negara yang akan menghadiri persidangan itu selewat-lewatnya esok.

Pihak penganjur persidangan negara-negara penyumbang itu yang bertujuan untuk mengumpulkan sumbangan berjuta-juta dolar bagi membiayai pembinaan semula Bosnia-Herzegovina itu mengancam untuk membatalkan persidangan itu kecuali ketiga-tiga pihak yang bersengketa -- Islam, Croat dan Serb -- membebaskan 88 tahanan perang yang berada dalam tahanan mereka.

Bagaimanapun, menurut laporan terakhir dari Sarajevo, pihak berkuasa Islam Bosnia telah menyerahkan 18 tahanan perang Serb kepada Pasukan Pelaksanaan Keamanan (IFOR) pimpinan NATO pada hari Jumaat, yang kemudiannya membawa mereka ke bandar Pale yang dikuasai Serb.

Sementara itu puak Croat Bosnia membawa 28 tahanan Serb dari sebuah penjara dekat Mostar ke sebuah tempat berhampiran bandar Kupres di tengah Bosnia di mana mereka dijadualkan akan diserahkan kepada pihak berkuasa Serb, laporan yang memetik pegawai-pegawai pihak Palang Merah sebagai berkata.

Menurut Jawatankuasa Palang Merah Antarabangsa, 28 tahanan perang masih ditahan pihak Persekutuan Bosnia, 44 oleh Croat dan 16 oleh Serb.

Bildt berkata: "Dalam keadaan sekarang, sungguhpun keadaan mungkin berubah, saya akan membuat perakuan terakhir kepada kerajaan-kerajaan yang terbabit sama ada malam ini atau awal esok.

"Sehingga kini, keadaan menunjukkan bahawa saya mungkin akan dapat memberikan "lampu hijau" terhadap persidangan itu tetapi saya tidak dapat mengesahkan penyertaan pihak Serb Bosnia," kata beliau.

Beliau berharap agar "keadaan akan bertambah baik" di mana puak Serb akan membebaskan tahanan perang sebelum beliau dapat memberikan kata putus mengenai penyertaan mereka pada persidangan berkenaan.

Ketika ditanya sama ada beliau yakin pihak Serb akan membebaskan tahanan mereka dalam tempoh 24 jam akan datang, Bildt berkata: "Saya masih belum pasti ... tempoh terakhir bagi pembebasan tahanan perang Bosnia ialah pada pukul 10 pagi ini dan jika mereka tidak berbuat demikian, saya fikir mereka tidak akan ditimbang untuk persidangan itu buat masa ini."

Kesatuan Eropah, penganjur bersama persidangan itu dan Russia telah berkata bahawa persidangan yang dijadualkan pada 12 dan 13 April itu tidak akan diteruskan melainkan kesemua tahanan perang dibebaskan.

Malaysia dijangka akan menghantar Menteri Pertahanan Datuk Syed Hamid Albar ke persidangan itu yang akan turut menghadiri persidangan Kumpulan Gerakan Bantuan Bosnia-Herzegovina Persidangan Pertubuhan Islam (OIC) yang diwujudkan baru-baru ini di Sarajevo minggu depan.

Persidangan Brussels itu akan berusaha untuk mengumpulkan jaminan bantuan AS\$1,200 juta untuk Bosnia tahun ini sebagai tambahan kepada AS\$600 juta yang dijanjikan tahun lepas.

Abdullah memberitahu pemberita pada persidangan berita yang sama bahawa beliau telah memaklumkan Bildt mengenai kesediaan Malaysia untuk membantu usaha-usaha membangunkan semula Bosnia.

"Kita sangat serius dan tidak berganjak daripada pendirian kita dalam soal ini," kata beliau, dan menambah kata bahawa beliau telah memberi jaminan kepada Bildt bahawa Kuala Lumpur akan memainkan peranannya dalam soal berkenaan.

Sebelum itu, Bildt mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Jabata Perdana Menteri.

Bekas Perdana Menteri Sweden itu akan berlepas ke Tokyo esok. --  
Bernama.

ES MZ AHH